



Ruj. Kami : JPA. (S)600-5/4/24 (4)
Tarikh : 3 Februari 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/
Tuan/ Puan,

**URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN SATU (1) JAWATAN
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W28 PERKHIDMATAN
GUNASAMA PERSEKUTUAN DI MUZIUM JABATAN PENJARA,
MELAKA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat Pembantu Tadbir (Kewangan) [PT (Kew)] Gred W26 yang **berminat** dan layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti yang berikut:

- 2.1 Telah dinaikkan pangkat sebagai PT (Kew) Gred W26;
- 2.2 Markah LNPT tahun terkini 2021 dan markah keseluruhan LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2019, 2020 dan 2021) **tidak kurang 80%**;

...2/

- 2.3 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (salinan hendaklah disertakan);
- 2.4 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.5 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.6 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.7 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan dan **calon-calon yang bersedia untuk penempatan seperti dinyatakan sahaja digalakkan untuk memohon urusan pemangkuan ini**. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah melengkapkan maklumat pegawai terlibat berdasarkan kepada format yang dilampirkan di **Lampiran E** dan mengemukakan ke Jabatan ini di alamat e-mel seperti di perenggan 5 dan juga mengemukakan semua **Lampiran (A, B dan C)** berkenaan sebelum atau pada **6 Mac 2023** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

4. BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan perlu memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **perenggan 2 sahaja dikemukakan ke Jabatan ini**. Selain itu, BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

5. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Puan Siti Mariam binti Ali - 03-8885 4150
Emel : mariam.ali@jpa.gov.my
- ii. Puan Hasnulaily binti Che Omar @ Che Hassan - 03-8885 4147
Emel : hasnulaily.omar@jpa.gov.my

6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)

Timbalan Pengarah

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my